BAB II

MENGENAL MUKAH DAN MASYARAKAT MELANAU

A. Geografis Mukah

Mukah ialah salah satu daerah kabupaten yang ada di Sarawak, Malaysia. Mukah merupakan kota pesisir yang berfungsi sebagai pusat administrasi pemerintahan. Mukah merupakan salah satu kabupaten di negeri Sarawak yang mempunyai keluasan 2,536 km persegi. Kawasan pemerintahan bahagian Mukah meliputi Bandar Mukah, pekan Balingian, Dalat, Matu, Daro dan juga Selangau. Kota Mukah yang didirikan di tepi sungai Batang Mukah berada sejauh kira-kira 2.5 jam perjalanan dari Sibu. Ia dibuka oleh orang tempatan dan kemudian ditadbir oleh residen ketika pemerintahan James Brooke. Mengikut sensus tahun 2010, penduduk Mukah berjumlah 48,900 orang dengan kebanyakan mereka adalah berbangsa Melanau.

Dari segi pandangan darat fizikal, kawasan Mukah mempunyai 36 buah kampung yang rata-ratanya didiami oleh Masyarakat Melanau.[20] Selain itu juga, Mukah mempunyai kawasan pantai yang panjang yang menuju ke kabupaten Bintulu. Kedudukan Mukah yang menghadap laut China selatan menyebabkan Mukah menghadapi musim tengkujuh semasa musim angin Monsun Timur Laut bertiup. Selain itu juga, kedudukan sungai Mukah dengan sungai Balingian yang bersambung terus dengan laut telah menjadi

[20]Mustapha Kamal, *Kebudayaan Masyarakat Melanau Mukah*, Sarawak (2007), 34.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

laluan keluar masuk bot-bot nelayan serta kapal tangki minyak yang membawa masuk minyak ke kota Mukah.

Dari segi penempatan, kampung-kampung di kabupaten Mukah terletak di pinggir sungai utama, iaitu sungai Mukah serta kawasan-kawasannya seperti sungai Tellian, sungai Penakub, sungai Petanak dan sungai Penipah. Kampung di seluruh kawasan Mukah kebanyakan didiami oleh suku Melanau berbanding cuman sedikit dari kaum lain seperti suku Cina dan Iban. Kampung-kampung yang terdapat di Mukah rata-rata didiami secara pisah mengikut kepercayaan oleh masyarakat Melanau. Secara umum terdapat pemisahan dari penempatan penduduk Mukah yaitu, orang Melanau Islam lebih mendominasikan penempatan kampung di sekitar Kota Mukah serta kawasan yang berhampiran dengan sungai.[21] Antara kampung penempatan bagi Melanau Islam di Mukah ialah Kampung Litong, Kampung Sungai Alo, Kampung Kuala Lama dan Kampung Penakub Ulu. Manakala bagi Melanau Kristen, mereka lebih mendominasi perkampung jauh dari pusat kota seperti Kampung Tellian Daya, Kampung Petanak Daya, Kampung Jebungan serta Kampung Teh.

B. Sejarah Sosio-ekonomi Melanau

Pada abad ke 19, Mukah sangat terkenal sebagai pengeluar Sagu dunia. Perusahaan pada jaman awal itu bukan saja melibatkan masyarakat Melanau tetapi juga melibatkan pembesar dan juga Kesultanan Brunei. Sebelum penaklukan Brookedan penglibatan orang Cina, perusahaan sagu penduduk tempatan di kuasai oleh Kesultanan Brunei. Pada peringkat

[21]Ali bin Suhaili, *Wawancara*, Mukah, 27 Nopember 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

awalnya, pihak berkuasa Brunei memungut cukai dagangan barangan tersebut dengan menempatkan wakilnya di kuala-kuala sungai berkenaan. Peningkatan perusahaan ini telah menarik minat para pembesar bangsawan Brunei untuk turut terlibat secara aktif dalam perusahaan sagu. Mereka mula membuka ladang-ladang sagu. Sehubungan dengan itu, hampir semua ladang-ladang sagu di miliki oleh golongan bangsawan tersebut.[22]

Selain itu, aspek sosial masyarakat Melayu Brunei turut mempengaruhi kehidupan Melanau. Pengaruh tersebut ialah pengamalan strafikasi sosial dalam kehidupan masyarakat Melanau. Masyarakat Brunei seperti masyarakat Melayu yang lain, iaitu masyarakat yang kuat berstrafikasi dengan golongan bangsawan menduduki lapis yang paling atas. Di bawahnya baru rakyat biasa dan dibawahnya lagi ialah hamba. Hamba boleh dimiliki oleh golongan bangsawan saja.

Strafikasi diatas sangat kuat dipegang oleh masyarakat Melanau sehingga darjat keturunan yang dikenali sebagai “Basa” (Bangsa) sangat diutamakan didalam kehidupan seharian mereka. Keturunan keluarga yang mula-mula membuka atau meneroka kampung mempunyai darjat yang lebih tinggi. Dalam lingkungan kampung berkenaan, mereka boleh dianggap sebagai golongan bangsawan dan gelaran yang di pakai ialah “a-nyat”. Strata dibawah mereka digelar orang biasa “bumi” dan yang paling rendah yakni “dipen” hamba.

[22] Awang Mohd Jamil Sufri, *Tarsilah Brunei Sejarah Awal dan Perkembangan Islam* (Bandar Seri Begawan, 2008), 55.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Dalam lingkungan yang lebih luas dalam hal perdagangan, wakil yang ditempatkan oleh Sultan Brunei yang bergelar Pengiran itu menduduki strata yang paling atas yang bergelar “Datuk”. Dibawahnya pula bergelar “Abang” yakni golongan pedagang. Golongan pedagang ini amat dihormati karena kekayaan yang dimiliki mereka. Sehinggakan pada hari ini masih terdapat golongan yang wujud ketika zaman Kesultanan Brunei seperti “Abang”, “Awangku” dan “Pengiran” masih sangat dihormati oleh golongan Melanau biasa karena dipercayai apabila tidak menghormati mereka sesuatu yang buruk akan berlaku pada diri kita.[23] Oleh itu, keturunan Melanau orang Brunei pada hari ini yang dikenali sebagai Pengiran, Awangku dan Abang yang tergolong daripada pedagang mempunyai darjat yang lebih tinggi daripada Melanau biasa. Jelas sekali perdagangan sagu pada suatu ketika dahulu telah mewujudkan strafikasi didalam masyarakat.

Namun begitu, ketika ini, konsep strafikasi dalam pedagangan itu tidak wujud lagi. Setiap orang Melanau yang kaya mahupun miskin dalam kondisi sosial dianggap sama rata. Dahulunya Mukah tekenal dengan sagu sahaja, namun sekarang, apabila mendengar nama kabupaten Mukah, pasti masyarakat provinsi Sarawak akan tahu bahawa Mukah merupakan kabupaten yang mengeluarkan hasilan ikan yang banyak dan juga pengeksport dagangan sagu. Kebiasaannya ketika musim liburan atau hujung minggu, banyak masyarakat luar akan datang ke Mukah untuk mendapatkan ikan-ikan segar yang disediakan oleh para nelayan. Meskipun Mukah terletak

[23]Junaidah bt Bujang, *Wawancara*, Mukah, 19 Nopember 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

di geografis yang banyak hasilan ikan, namun ianya tidaklah berlaku sepanjang tahun.

C. Sejarah Mukah

1. Sejarah Nama Mukah

Menurut Laporan Penyelidikan Etnografi Sejarah Sosio-Budaya Melanau, menyatakan bahawa asal usul nama Mukah wujud sekitar abad ke 17 apabila pedagang-pedagang yang datang ke Mukah untuk berdagang di pelabuhan Mukah. Pada masa tersebut kawasan Mukah hanya dipanggil sebagai negeri 'Melano' saja. Sungguhpun begitu kawasan Mukah telah didiami oleh orang-orang Melano beratus-ratus tahun lamanya sebelum pemimpin bernama Tugau dikalahkan oleh orang-orang Brunei.[24]

Pada suatu waktu datanglah kapal pedagang-pedagang dari Tanah Arab (Timur Tengah) ke kuala Sungai Melano (Sungai Mukah). Pedagang-pedagang dikatakan sampai ke kuala sungai pada waktu malam. Sebelum mereka dibenarkan masuk ke kuala, mereka terpaksa berlabuh di luar muara dulu. Pada masa tersebut bulan sedang mengambang dengan indahnya di langit. Nakhoda kapal dan anak-anak buahnya keluar ke haluan perahu untuk melihat kawasan sekitar pantai tersebut. Sedang mereka asyik menikmati pemandangan pantai Mukah, tiba-tiba mereka terpandang wajah seorang wanita di tepi pantai tersebut. Wanita tersebut sedang berdiri sambil memandang ke arah kapal mereka. Wajah wanita

[24] Putet Matzen, *Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat seluruh Sarawak* (Sarawak Museum Journal), 107.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

tersebut sangat cantik dipandang, sama seperti bulan yang sedang mengambang penuh.

Melihat wajah wanita tersebut, nakhoda dan anak-anak kapalnya seolah-olah terpukau oleh kecantikannya. Tidak lama kemudian wanita tersebut hilang dari pandangan mereka di celah pohon-pohon di pinggir pantai. Nakhoda tersebut terpegun seketika dengan pengalamannya itu. Keesokan paginya kapal tersebut pun masuk ke Mukah. Nakhoda bertanyakan kepada penduduk apakah nama tempat tersebut.Orang tempatan menyatakan tempat tersebut tiada bernama dan hanya dipanggil sebagai kawasan Melano sahaja. Nakhoda tersebut lalu teringat akan wajah dan muka wanita cantik yang dilihatnya malam semalam. Lalu nakhoda kapal terfikir untuk menamakan kawasan tersebut sebagai 'MUKA' sempena muka atau wajah perempuan cantik yang pertama dilihatnya semasa masuk ke kawasan itu.[25] Hal ini telah diberitahu kepada orang ramai dan mereka nampaknya bersetuju dengan nama yang diberikan. Lama kelamaan akibat perubahan masa dan bahasa orang tempatan maka sebutan 'muka' telah beralih kepada 'Mukah'.

D. Agama dan Kepercayaan Masyarakat Melanau

1. Agama

Umumnya masyarakat Melanau mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu baik dari segi kepercayaan dan kebudayaan. Justeru itu masyarakat ini merupakan satu cabang dalam masyarakat Melayu. Setiap

[25]Dzulfawati Haji Hassan, *Etnografi Sejarah Sosio-Budaya Melanau* : Hubungan Dengan Era Brunei (Universiti Brunei Darussalam, 1994 - 1995), 57.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

kumpulan kaum etnik walau di mana jua akan mempunyai agama, kepercayaan dan adat masing-masing yang tidak dapat ditinggalkan. Begitu juga dengan etnik Melanau. Di Mukah, masyarakat Melanaunya tidak hanya beragama dan berkepercayaan yang sama. Terdapat tiga pembahagian masyarakat dalam beragama yakni Melanau Islam, Melanau Kristen dan juga Melanau likow (tiada tuhan).[26]

Mengikut sensus pada tahun 2013, sebanyak 75 peratus daripada suku Melanau di seluruh Serawak telah memeluk agama Islam dan meninggalkan adat resam dan rumah panjang mereka hasil kejayaan pemerintahan Kesultanan Brunei[27]. Menurut John Goatly (1959), orang Melanau Islam di Bahagian Ketiga dan Keempat kadangkala menggelarkan diri mereka sebagai orang Melayu dan oleh orang lain meskipun hakikatnya mereka ialah Melanau. Kenyataan ini selari dengan pendapat Sabihah (1990) bahawa ramai orang Melanau di bahagian pesisir pantai yang sudah terpengaruh dengan kebudayaan Melayu dan memeluk agama Islam dan menyebabkan sesetengahnya dianggap Melayu meskipun ada yang lebih suka mengekalkan identiti mereka sebagai orang Melanau Islam. Mereka tidak lagi tinggal di rumah panjang dan tidak lagi mengamalkan budaya dan adat yang bercanggah dengan ajaran Islam. Sesungguhnya, mengikut Lee Yong Leng (1981), sesetengah orang mengatakan bahawa orang Melayu terlalu banyak mempengaruhi orang

[26]Jeniri Amir, *Adat Resam Kaum Melanau* (The Sarawak Museum Journal 1989), 87.
[27]Sanib bin Abdullah, *Sejarah Penguasaan Kesultanan Brunei* (Kuala Lumpur : Penerbitan Jazim), 56.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Melanau sehingga mereka mungkin akan diserap ke dalam masyarakat Melayu.

2. Kepercayaan Melanau

Sebelum kedatangan Islam dan Kristian, etnik Melanau tradisional mempunyai kepercayaan tradisional. Sistem kepercayaan yang diwarisi oleh kepercayaan animisme membentuk pandangan dunia mereka. Seterusnya mencorakkan amalan seharian mereka. Cara dan tindakan mereka banyak ditentukan oleh sistem kepercayaan itu. Upacara dan adat yang diamalkan membayangkan hubungan erat manusia dengan kuasa luar biasa, kuasa ghaib, makhluk halus dan semangat.[28] Masyarakat Melanau tradisional percaya bahawa dunia ini seumpama sebiji telur yang dikelilingi air. Beberapa jarak darinya terletak matahari, bulan dan bintang[29]. Sebagai masyarakat yang belum terdedah kepada agama sebenar dan kemodenan serta dunia luar mereka menghimpunkan pengalaman untuk mengharungi kehidupan dan cabaran harian bersandarkan pola perlakuan yang diwarisi nenek moyang, sejak turun-temurun.

Kepercayaan yang bersifat "agama rakyat" ini berlandaskan keyakinan bahawa setiap bentuk semula jadi yang ganjil dan objek yang terdapat di alam semesta dianggap mempunyai semangat dan kuasa luar biasa. Jadi, mereka perlu menyembah makhluk yang dianggap berdaulat itu, seperti memberi makan untuk memujuknya, selain memuja makhluk lain seperti pohon. Segala kejadian yang berlaku dalam kehidupan dipercayai mempunyai kaitan dengan makhluk dan objek tersebut. Dalam

[28] *Ibid., 94.*
[29]Morris Ater, *Dunia Kebudayaan Melanau* (Universiti Teknologi Mara, 1991), 59-60.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

segala hal, mereka perlu menunjukkan kesetiaan dan kepatuhan kepada makhluk dan objek itu dengan memberi persembahan atau semah, seperti makanan, selain mendendangkan lagu dan membaca doa dan mantera tertentu. Pada masa yang baik, persembahan diberi sebagai tanda kesyukuran. Pada masa buruk pula, seperti musim landas (musim banjir), kemarau panjang dan wabak penyakit, persembahan dibuat sebagai tanda memohon ampun, juga sebagai tanda kekesalan terhadap kesalahan yang disengajakan atau tidak disengajakan kerana kejahilan.

Bagi mereka, segala kejadian termasuk bencana dikatakan berpunca daripada kuasa di luar kawalan manusia.[30] Kuasa dan unsur naturalisme dikaitkan dengan perasaan takut, dikagumi malah digeruni. Kuasa ghaib ini banyak mempengaruhi kehidupan mereka. Kuasa ghaib yang dimaksudkan ialah roh dan semangat yang merupakan kepercayaan animisme. Kepercayaan menurut Taylor (1971) dapat dibahagikan kepada dua aspek, pertama doktrin roh (doctrine of souls), iaitu asas agama yang berdasarkan roh, dan kedua doktrin semangat, asas agama yang berdasarkan semangat. Berdasarkan kepercayaan ini, setiap objek mempunyai semangat yang tersendiri. Apabila Melanau Likow percaya bahawa terdapat roh dan semangat yang menguasai kehidupan, maka alasan itu terus dipegang untuk melakukan upacara tertentu sebagai manifestasi kepercayaan mereka terhadapnya. Mereka memperluas konsep semangat ini kepada makhluk lain, seperti tumbuh-tumbuhan dan objek tidak bernyawa di sekitar.

[30]Janang Sano, *Wawancara*, Dalat, 20 nopember 2015.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Bagi pandangan lama Melanau, alam dilihat sebagai tempat manusia, bukan terpisah daripadanya. Manusia perlu memainkan peranan dalam mengekalkan dan memelihara susunan semula jadi, bukannya menguasai atau mengubahnya. Kewujudan manusia bukan sahaja sebagai sebahagian daripada alam semesta tetapi mereka dituntut untuk mengadakan ritual bagi mengekalkan keseimbangan dan sifat semula jadi alam semesta. Melalui upacara amal, mereka dapat meneguhkan semula perhubungan sosial mereka.

Bagi etnik Melanau tradisional, makanan yang tidak boleh dimakan termasuklah binatang yang dibunuh sebarangan, terutamanya yang berada di dalam hutan. Selain itu, apabila berada di dalam hutan, orang Melanau percaya kepada alamat yang dibawa oleh burung, terutamanya manuk bukeng, manuk tepasi, manuk kutit, manuk terit, manuk kenyiw dan manuk kejalang[31]. Bunyi dan arah burung berkenaan terbang membawa alamat tertentu yang perlu diketahui oleh mereka yang menjadikan hutan sebagai sumber rezeki. Jika tidak, mereka mungkin terperangkap dalam bahaya. Binatang, termasuk ular perlu dihormati, sehingga apabila orang Melanau masuk ke dalam hutan, mereka tidak menyebut ular dengan namanya sebenar, tetapi menggantikannya dengan “akar kayu”. Malah, mereka kadangkala memohon kebenaran dengan berkata: “*Kita sama-sama mencari rezeki. Jadi janganlah ganggu kami dan anak cucu kami*.”

[31]*Ibid.*, 65.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Begitu mendalamnya rasa takut dan hormat terhadap binatang, terutamanya binatang yang beracun.[32]

Hal ini menyerlahkan cara mereka mentakrif dunia dan makhluknya. Mereka yang menghadapi kecelakaan dipercayai kerna mengingkari pantang larang atau kerna telah disumpah oleh kuasa ghaib. Sesiapa yang tidak menghormati binatang hutan, celupar atau bercakap besar boleh menyebabkan dia tersesat dan berpusing-pusing di dalam hutan, dan tidak dapat mencari jalan keluar. Malah keadaan seseorang itu dapat menjadi lebih buruk lagi, iaitu dibaham beruang, buaya, dan binatang buas yang lain.

Kepercayaan yang teguh terhadap kewujudan makhluk halus yang mempengaruhi banyak kejadian di muka bumi, menyebabkan mereka selalu merujuknya sebelum mengambil tindakan tertentu. Kepercayaan yang kuat terhadap kuasa ghaib telah menyebabkan mereka akur terhadap pantang larang meskipun sebahagian besar daripadanya sudah tidak lagi dipedulikan. Jelaslah bahawa pantang larang yang dikenakan dan diamalkan oleh Melanau Likow melibatkan supernatural (kuasa ghaib). Hukuman supernatural atau kuasa ghaib selalunya dalam bentuk kematian, wabak penyakit, kebuluran atau kekurangan makanan, bencana alam seperti banjir dan kemarau panjang. Masyarakat Melanau tradisional percaya bahawa setiap benda atau makhluk mempunyai semangat atau roh.[33]

---

[32]Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi, *Kaul Suatu Interpretasi Sosio budaya* (Massa Kasturi Management, 2001), 103.
[33]*Ibid.*, 105.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id